

KEBERKESANAN INISIATIF NBOS MY BEAUTIFUL MALAYSIA DALAM MENANGANI PERMASALAHAN DADAH DI KAWASAN BERISIKO TINGGI DALAM NEGERI PERAK

Mohd Muzafar Shah bin Mohd Razali, Othman Bin Lebar, Siti Eshah Binti Mokhsin, Ahmad Jazimin Bin Jusoh, Md Azman bin Shahadan, Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip, Nurul Ain Binti Mohd Daud, Hamidah Binti Sulaiman, Nur Alina Fatilah Binti Mohamad, Azad Athahiri Bin Anuar

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan inisiatif NBOS *My Beautiful Malaysia* (MyBM) dalam menangani permasalahan dadah di kawasan berisiko tinggi dalam negeri Perak. Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa, fasa pertama adalah menjalankan temu bual bersama pemegang taruh iaitu Ketua Pengarah dan pegawai bahagian pencegahan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan program MyBM. Fasa kedua pula merupakan sebuah kajian tinjauan menggunakan kaedah edaran soal selidik bagi mengumpulkan data berkenaan keberkesanan pelaksanaan program MyBM. Responden bagi kajian tinjauan ialah ahli SKUAD AADK seramai 886 orang. Alat ukur yang digunakan bagi mengumpulkan data kajian tinjauan ialah set soal selidik keberkesanan program MyBM yang telah dibangunkan oleh penyelidik. Dapatan keseluruhan kajian tinjauan menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada keaktifan program MyBM iaitu pengetahuan, kesukarelawanan dan halangan. Bagi fasa ketiga iaitu kajian kes, temu bual telah dijalankan ke atas wakil komuniti daripada enam kawasan yang terlibat dengan pelaksanaan program MyBM. Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa pelaksanaan program MyBM memberikan kesan positif dalam usaha menangani permasalahan penagihan dadah melalui aktiviti pembersihan port penagihan dan mengindahkan kawasan. Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan program MyBM mencapai objektif pelaksanaannya disamping memberikan perhatian kepada faktor meningkatkan pengetahuan, kesukarelawanan dan mengatasi halangan yang dihadapi.

Kata kunci:

Mencegah dadah dalam komuniti, *My Beautiful Malaysia*, dan kesukarelawanan

PENDAHULUAN

Pada masa kini, masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat di Malaysia amat mencemaskan dan menjadi semakin rumit untuk ditangani. Salah satu masalah sosial yang berada pada tahap kritikal adalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat khususnya golongan remaja dan belia. Penyalahgunaan dadah merupakan isu sejagat yang mengancam keselamatan dan ketenteraman masyarakat. Sehubungan itu, ancaman dadah merupakan isu yang sensitif dari segi pelaksanaan penguatkuasaan dalam sesebuah negara. Perkara ini adalah merupakan masalah yang amat rumit untuk diselesaikan menurut pandangan bagi sesetengah negara di rantau Asia Tenggara (William & Wiencek, 2000; Ennett et al., 2003; Zainol et al., 2013). Terdapat negara Asia Tenggara, menganggap ancaman dadah itu wujud ekoran dari dasar sesebuah kerajaan yang tidak mengambil berat terhadap pembanteras dadah serta menjauhkan rantau ini daripada ancaman keselamatan bentuk baru.

Oleh itu, usaha untuk mencegah penyalahgunaan dadah perlu dilakukan dengan lebih giat serta dengan perancangan yang rapi dan betul. Antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak AADK ialah memperkenalkan program MyBM yang bertujuan membersihkan port-port penagihan dadah serta mengindahkan kawasan persekitarannya.

Sorotan Kajian Lepas

Pada 28 Februari 1983, Jawatankuasa Kabinet Antidadah telah mengisytiharkan "*Dadah Musuh Utama Negara*". Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah. Sasaran utama program ialah kepada murid, guru, kakitangan sekolah dan ibu bapa (Ais, 2013).

Walaupun pelbagai program telah diatur oleh agensi kerajaan mahu pun bukan kerajaan bagi mengatasi masalah ini, ia tetap sukar debendung dan menjadi semakin teruk. Antara masalah sosial yang dianggap sebagai salah satu musuh nombor satu negara adalah penyalahgunaan dadah (Mohd Noorazam et al., 2009).

Jones dan rakan-rakan (2007), serta Morgan dan rakan-rakan (2002) menyatakan bahawa walaupun pelbagai program pencegahan telah wujud, namun ianya dilihat memberi impak yang sedikit kepada masyarakat. Hal ini adalah sesuatu yang sangat membimbangkan kerana tanpa program-program pencegahan yang berkesan, dikhuatiri akan meningkatkan lagi bilangan penagih baru hari demi hari.

Mahmood dan rakan-rakan (2005) menjalankan sebuah kajian untuk mengenalpasti kesan program Skim Lencana Anti Dadah (SLAD) dengan merujuk kepada objektif program dan menggunakan reka bentuk kajian eksperimental. Selain itu, Jamaludin (2013) menjalankan kajian sarjananya yang bertujuan melihat kesan program pencegahan dadah SHIELDS terhadap peserta program di daerah Kluang Johor.

Tujuan Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan mengetahui keberkesanan inisiatif NBOS MyBM dalam menangani permasalahan dadah melalui strategi-strategi memusnahkan port-port penagihan dadah, membersihkan serta mengindahkan kawasan tersebut.


Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian adalah untuk:

1. Menilai pelaksanaan program MyBM daripada aspek (a) sumber, (b) penglibatan, (c) pemantauan.
2. Menilai keberkesanan program MyBM berdasarkan (a) Pembersihan port, dan (b) Mengindahkan kawasan.
3. Menilai hasil pencapaian program MyBM berdasarkan (a) pengetahuan, (b) sikap, (c) tindakan, (d) kesukarelawanan, (e) kelestarian, (f) halangan.
4. Mengenalpasti faktor utama yang mendorong kepada keberkesanan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut.

Kerangka Konseptual Kajian

Bagi menjalankan sebuah kajian yang sistematik, pengkaji menggunakan Model Logik Penilaian (Alter & Egan, 1997) sebagai asas. Lihat rajah 1 berikut:



Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian Berdasarkan Model Logik Penilaian

KAEDAH DAN REKABENTUK KAJIAN

Bagi mencapai tujuan kajian, tiga fasa kajian telah dijalankan. Fasa pertama ialah temu bual yang dijalankan ke atas pemegang taruh bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan program MyBM. Fasa kedua ialah kajian tinjauan yang dijalankan bagi tujuan mengumpul data keberkesanan program MyBM. Fasa ketiga pula ialah kajian kes yang dijalankan ke atas wakil komuniti yang terlibat dengan pelaksanaan program MyBM. Reka bentuk kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Reka Bentuk Kajian Mengikut Fasa

Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
Mengenali program MyBM dengan menemubual pemegang taruh (<i>stakeholders</i>) – Pengurusan Tertinggi AADK.	Kajian tinjauan ke atas pelaksana (<i>implementers</i>) program MyBM.	Kajian kes (<i>case study</i>). 3 kawasan aktif (Manjung, Kuala Kangsar, Bukit Merah), 3 kawasan tidak aktif (Bagan Datuk, Sungkai, Gerik).

Jadual 1 menunjukkan pada fasa 1 kaedah temu bual telah digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan program MyBM. Temu bual ini telah dilakukan terhadap pemegang taruh iaitu Ketua Pengarah AADK dan pegawai AADK Bahagian Pencegahan yang menguruskan pelaksanaan program MyBM. Temu bual dilaksanakan menggunakan protokol temu bual yang telah dibangunkan oleh penyelidik. Seterusnya, pada fasa 2 pula kajian tinjauan telah dijalankan dengan menggunakan kaedah edaran soal selidik. Soal selidik yang digunakan merupakan set soal selidik keberkesanan program MyBM yang telah dibangunkan khusus oleh penyelidik. Manakala, pada fasa akhir kaedah temu bual dijalankan terhadap ahli komuniti yang terlibat dengan pelaksanaan program MyBM di kawasan berkategori aktif dan tidak aktif.

Lokasi Kajian

Bagi meneruskan proses pengumpulan maklumat dan data kajian, pengkaji telah mengenalpasti lokasi bagi ketiga-tiga fasa kajian. Lokasi bagi fasa 1 kajian adalah ibu pejabat AADK di Bangi, Selangor. Lokasi ini dipilih kerana ianya merupakan pejabat bagi pemegang taruh dan akan memudahkan proses temu bual dijalankan. Seterusnya pada fasa 2 lokasi yang dikenal pasti adalah sebanyak 15 lokasi iaitu Manjong, Pangkor, Changkat Lada, Gopeng, Bagan Datuk, Sungkai, Temoh, Batu Gajah, Bukit Merah, Batu Kurau, Kuala Kurau, Kuala Kangsar, Sungai Siput Utara, Gerik dan Klian Intan. Lokasi kajian bagi fasa 3 pula ialah tiga lokasi untuk kawasan kategori aktif dan tiga lokasi untuk kawasan kategori tidak aktif, lihat jadual 2 untuk penjelasan lanjut:

Jadual 2: Lokasi Kajian Mengikut Fasa

Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
1. Ibu Pejabat AADK	1. Manjung 2. Pangkor 3. Changkat Lada 4. Gopeng 5. Bagan Datuk 6. Sungkai 7. Temoh 8. Batu Gajah	Kawasan aktif: 1. Manjung 2. Kuala Kangsar 3. Bukit Merah Kawasan tidak aktif:

9.	Bukit Merah	1.	Bagan Datuk
10.	Batu Kurau	2.	Sungkai
11.	Kuala Kurau	3.	Gerik
12.	Kuala Kangsar		
13.	Sungai Siput Utara		
14.	Gerik		
15.	Klian Intan		

Responden Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, pemilihan responden telah dibuat berdasarkan keperluan fasa kajian. Bagi fasa pertama kajian, responden merupakan pemegang taruh iaitu Ketua Pengarah AADK dan pegawai AADK bahagian pencegahan dadah yang terlibat dengan program MyBM. Seterusnya, responden untuk fasa 2 kajian ialah seramai tiga ribu ahli SKUAD AADK, namun hanya sebanyak 886 responden mengembalikan set soal selidik bagi tujuan mengumpul data kajian. Responden untuk fasa 3 kajian pula ialah 30 orang ahli komuniti daripada 6 kawasan, lihat jadual 3 untuk penjelasan lebih jelas:

Jadual 3: Responden Mengikut Fasa Kajian

Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
1. Ketua Pengarah AADK	1. Ahli SKUAD AADK	1. Ahli komuniti
2. Pengarah/Pegawai Bahagian Pencegahan		
1 + 1	200 x 15 kawasan	5 x 6 kawasan

Instrumen Kajian

Bagi melaksanakan kajian tinjauan, satu set soal selidik keberkesanan program MyBM telah digunakan. Soal selidik tersebut digunakan untuk menilai setiap konstruk keberkesanan program MyBM, ianya telah dibangunkan oleh pengkaji dan telah diuji dari segi kesahan dan kebolehpercayaannya. Secara keseluruhannya, soal selidik ini mengandungi 61 item yang

dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu demografi, pengetahuan, sikap, tindakan, kesukarelawanan, kelestarian dan halangan.

DAPATAN KAJIAN

Pelaksanaan program MyBM daripada aspek (a) sumber, (b) penglibatan, (c) pemantauan

Bagi mendapatkan maklumat berkenaan perkara ini, temu bual bersama pihak berkepentingan telah dijalankan. Bagi tujuan itu, pengkaji telah menjalankan temu bual bersama Ketua Pengarah AADK, Ketua Bahagian Pencegahan AADK, dan seorang pegawai bahagian pencegahan yang terlibat dengan program MyBM. Berdasarkan temu bual ini, beberapa perkara dapat disimpulkan bagi menjawab soalan kajian berkenaan pelaksanaan program MyBM dari aspek sumber, penglibatan dan pemantauan (lihat jadual 4).

Jadual 4: Pelaksanaan Program MyBM dari Segi Sumber, Penglibatan dan Pemantauan

Sumber	Dana kewangan	- 3.7 juta untuk tahun 2015 - 1.5 juta untuk tahun 2016 - Tiada dana untuk tahun 2017 (IPSOM selaku urusetia NBOS telah menarik dana dari jabatan2 lain sebanyak 500 ribu untuk program MyBM).
	Perancangan pelaksanaan	- KPKT (2013) - AADK (2015-2017)
Penglibatan	Pelaksanaan	- AADK - Pemimpin komuniti - Masyarakat setempat - Agensi kerajaan - Agensi swasta - NGO
Pemantauan	Pelaksanaan	- AADK - Masyarakat setempat

Jadual 5 pula menunjukkan ringkasan pencapaian pelaksanaan program MyBM bagi kawasan negeri Perak pada tahun 2016 hingga 2017.

Jadual 5: Ringkasan Pencapaian Program MyBM Bagi Kawasan Negeri Perak (2016-2017)

Bil. Pelaksanaan	Bil. Port Dimusnahkan	Bil. Tempat Awam diceriakan
43	23	20

Keberkesanan Program MyBM Berdasarkan Aktiviti Pembersihan Port dan Mengindahkan kawasan

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa aktiviti utama yang terkandung di dalam program MyBM ialah membersihkan port dan mengindahkan kawasan. Berdasarkan kajian kes yang telah dijalankan ke atas tiga buah kawasan yang aktif dan tiga buah kawasan yang tidak aktif, menunjukkan kedua-dua aktiviti ini dilakukan semasa pelaksanaan program MyBM. Jadual 6 menunjukkan contoh respon dari sampel temu bual berkenaan kesan program MyBM yang dijalankan.

Jadual 6: Respon Sampel Kajian Kes Berkenaan Keberkesanan Program MyBM

Aktiviti program MyBM	Respon sampel
Membersihkan port	<p>Dapatan kajian menunjukkan aktiviti utama program MyBM adalah membersihkan port.</p> <p><i>“...depa bersihkan port-port..macam kebun durian, kawasan kubur...”</i>, <i>“...alhamdulillah tak ramai dah..selepas kita buat tu...”</i> (TDK/R1/BM-ms1-2)</p> <p><i>“...dulu pernah pegawai daerah sendiri pun turun.., yang kita buat pembersihan port dulu...usaha-usaha yang dibuat oleh AADK dan orang kampung ni ada juga kesannya.., penagih baru pun tak ada timbul sangat la...”</i> (TDK/R3/Sgk-ms2-3)</p>
Mengindahkan port	<p>Dapatan kajian menunjukkan aktiviti lain program MyBM adalah mengindahkan port seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Mendirikan papan tanda: <i>“..macam di felda ada kita buat gotong royong bersihkan kawasan & pasang papan tanda”</i> (TDK/R1/Grk-ms-1) 2) Mendirikan rumah: <i>“..terus sekali gus..mengadakan pembinaan rumah disitu..”</i> (TDK/R1/Mjg-ms2) 3) Dewan orang ramai: <i>“..yg last sekali buat didewan inilah..tu yang ada signboard..”</i> (TDK/R1/BgD-ms1)

Faktor Yang Menyumbang Kepada Keaktifan Program MyBM

Bagi menjawab soalan kajian, analisis Logistic Regression telah dijalankan bagi melihat faktor yang menyumbang kepada keaktifan program MyBM berdasarkan konstruk keberkesanan program MyBM. Secara umumnya dapatan kajian telah menunjukkan bahawa daripada enam konstruk keberkesanan program MyBM, hanya tiga konstruk yang menjadi faktor utama yang menyumbang kepada keaktifan program MyBM. Tiga faktor tersebut ialah pengetahuan, kesukarelawanan dan halangan. Rajah 7 menunjukkan dapatan daripada analisis yang dijalankan:

Jadual 7: Faktor yang Menyumbang Kepada Keaktifan Program MyBM

Konstruk	Pekali	S.E.	Sig.	Exp(B)
Pengetahuan	.072	.042	.087	1.075
Sikap	-.005	.051	.915	.995
Tindakan	-.001	.004	.887	.999
Kesukarelawanan	.107	.043	.013	1.113
Kelestarian	.026	.030	.382	1.027
Halangan	-.025	.013	.047	0.975

Analisis SWOT

Kekuatan (<i>Strenght</i>)	Kelemahan (<i>Weakness</i>)
S1: Program MyBM berjaya membersihkan port. S2: Program MyBM berjaya mengindahkan port. S3: Mengurangkan perbuatan jenayah lain yang dilakukan oleh penagih dadah.	W1: Penagih pindah ke port lain. W2: Program MyBM tidak dapat dilakukan berterusan atas faktor kewangan. W3: Port merupakan tanah persendirian.
Peluang (<i>Opportunity</i>)	Ancaman (<i>Threats</i>)
O1: Kerjasama daripada komuniti setempat. O2: Sokongan daripada agensi lain, NGO dan lain-lain.	T1: Komuniti tidak bersedia meneruskan program tanpa AADK atau agensi lain atas faktor keselamatan. T2: Agenda pelaksanaan program MyBM tidak tersebar kepada komuniti secara menyeluruh.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa program MyBM telah dilaksanakan di semua lokasi yang telah ditetapkan oleh AADK negeri Perak. Hasil daripada pelaksanaan program MyBM ini telah menunjukkan kesan yang positif dalam usaha membasmi dan mencegah penyalahgunaan dadah. Program MyBM sangat sesuai untuk diteruskan sekiranya pihak AADK memberikan penekanan kepada tiga aspek yang menjadi faktor kepada keaktifan

pelaksanaan program iaitu aspek pengetahuan, kesukarelawanan dan mengurangkan halangan. Justeru itu, program MyBM wajar diteruskan dengan penjenamaan baharu demi kelangsungan terhadap program-program pencegahan dalam masyarakat.

Cadangan

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, beberapa cadangan untuk penambahbaikan pada masa hadapan telah dibuat, cadangan tersebut adalah seperti berikut:

Polisi (Pengurusan AADK):

1. Perlu diteruskan dengan lebih berstruktur (prosedur, bajet, promosi, latihan)
2. Kelestarian program melalui latihan & promosi berterusan dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat setempat.
3. Kolaborasi pelbagai pihak perlu digembeling untuk perancangan & pelaksanaan program yang lebih berkesan.
4. Bajet khusus perlu diperuntukan untuk perancangan & pelaksanaan program.
5. Polisi untuk menangani permasalahan pengedaran dadah & port jenis baharu.
6. Latihan & ganjaran kepada SKUAD AADK yang lebih terancang & berterusan.

Pelaksana:

1. Meningkatkan tahap pengetahuan melalui latihan dan pendidikan.
2. Membentuk sikap yang positif terhadap program melalui kolaborasi yang lebih luas antara ahli komuniti.

Media:

1. Meningkatkan peranan pengamal media di peringkat daerah dalam usaha-usaha mendidik masyarakat.
2. Memberi penghargaan & pengiktirafan kepada pihak komuniti yang menggunakan media secara aktif dalam memberikan kesedaran & mendidik masyarakat.

Nilai kesukarelawanan:

1. Memupuk nilai kesukarelawanan secara berterusan di semua peringkat.
2. Peranan institusi masyarakat seperti keluarga, masjid, dewan komuniti, sekolah, IPT dll untuk meningkatkan nilai kesukarelawanan.

PENUTUP

Program pencegahan dadah yang berterusan perlu melibatkan semua pihak termasuk komuniti. Program MyBM adalah satu daripada program yang telah diwujudkan oleh AADK untuk masyarakat dalam usaha pencegahan dadah setempat. Program seumpama ini akan lebih berkesan lagi jika elemen-elemen meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang jenis-jenis dadah, kesan dan akibat dadah kepada individu, keluarga dan masyarakat. Di samping itu, perlu juga diberikan galakan untuk ahli masyarakat memberikan sumbangan dalam pencegahan dadah melalui aktiviti kesukarelawanan kerana menjadi tanggungjawab masyarakat setempat itu melindungi mereka daripada gejala dadah. Pihak yang berkuasa boleh memberi bantuan kepada masyarakat setempat dengan mengurangkan halangan-halangan dalam pelaksanaan program.

RUJUKAN

- Ais, M. S. (2013). *Impak Program Pencegahan Dadah Shields Kepada Pembangunan Pelajar di Daerah Mersing, Johor* (Tesis Sarjana), Universiti Teknologi Malaysia.
- Alter, C., & Egan, M. (1997). Logic Modeling: A Tool For Teaching Critical Thinking in Social Work Practice. *Journal of Social Work Education*, 33(1), 85-102.
- Borenstein, M., Hedges, L. V., Higgins, J. P. T., & Rothstein, H. R. (2009). *Introduction to Meta-Analysis*. John Wiley & Sons, Ltd.
- Jones, S. E., Fisher, C. J., Greene, B. Z., Hertz, M. F., & Pritzl, J. (2007). Health and safe school environment, Part 1: Results from the School Health Policies and Programs Study 2006. *Journal of School Health*, 77(8), 522–543.
- Jamaludin, S. (2013). *Impak Program Pencegahan Dadah Shields Kepada Pembangunan Pelajar di Daerah Kluang, Johor* (Tesis Sarjana), Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Noorazam, A. R., Fatin, A. M. R., Mohamad, A. A., Hasbullah, I., Ani, M. D. M., & Soffian, O. F. (2009). Pengajaran Penyalahgunaan Dadah dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4, *Kajian AADK*.
- Mahmood, N. M., Yahya, D., Mohamad, H., & Muhamad, D. K. (2005). Program Pendidikan Pencegahan Dadah SLAD: Adakah Ia Berkesan Mencapai Matlamatnya?, *MJLI*, 2, 1-16.

William, R. K. & Jun, H.,(2005) *Understanding the Role and Methods of Meta-Analysis in IS Research.*(<http://www.encyclopedia.com/doc/1G1-11008717.html>)

Zainol, A. A., Abdul, H. M. H., Musa, A. H., Mohd, Z. Z., & Muhamad, Z. M. (2013). *Tahap Keberkesanan Kempen Antidadah di Malaysia dan Strategi Komunikasi Bagi Peningkatan Kesedaran Bahaya Penyalahgunaan Dadah.* USIM & AADK.